

17 NOV 1999

PEMIMPIN BN BERTEMU DI PUTRAJAYA UNTUK BINCANG MANIFESTO

PUTRAJAYA, 17 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menemui pemimpin-pemimpin tertinggi Barisan Nasional bagi membincangkan manifesto BN untuk pilihan raya umum 29 Nov ini.

Mesyuarat yang berlangsung di Jabatan Perdana Menteri di sini turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri dan naib presiden Umno Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga pengerusi jawatankuasa manifesto BN.

Antara pemimpin BN yang menghadiri mesyuarat itu ialah presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu, presiden PBDS Datuk Leo Moggie dan presiden PPP Datuk M.Kayveas.

Bercakap kepada pemberita di luar JPM, Kayveas berkata mesyuarat itu hanya membincangkan mengenai manifesto BN.

Bagaimanapun beliau tidak dapat menyatakan bila manifesto itu akan diumumkan.

Dr Mahathir sebelum ini pernah berkata bahawa manifesto BN memberi tumpuan ke arah memastikan negara terus berdikari, membangun dan bersatu.

-- BERNAMA

ES LAT MAI